

Kriteria Patuh Syariah Dalam Filem Berasaskan Hukum Fiqh: Satu Kajian Awal

Hajar Opir^{1*}, Mohammed Yusof², Luqman Abdullah³, Wan Yusnee Abdullah⁴

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara, 40450 Shah Alam, Selangor

^{2,3}Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
Pusat Pembangunan Pengajian Asasi, Universiti Selangor

*Pengarang Penghubung
abuaqilah02299@yahoo.com

ABSTRAK

Trend penghasilan filem tempatan yang menunjukkan peningkatan dari tahun 2011 hingga 2015 dalam genre yang pelbagai menggambarkan pengaruh filem kepada masyarakat. Walau bagaimanapun, banyak filem tempatan yang kurang memberi nilai positif terhadap pemikiran, pendidikan dan pembinaan karektor. Ini didorong oleh kebanyakan para penulis skrip, pengarah dan penerbit yang ghairah menerbitkan filem mengikut rentak pasaran malah banyak memaparkan elemen ganas, khurafat dan cinta yang berlebihan. Sebaliknya, wajah filem Islam pula dimomokkan dengan isu poligami, perbomohan dan tanah kubur yang mencerminkan imej negatif ajaran Islam. Tidak dinafikan terdapat beberapa filem dakwah yang diterbitkan namun masih wujud elemen yang tidak menepati syarak seperti babak di bilik tidur dan sentuhan antara lelaki dan wanita yang bukan mahram. Berasaskan situasi tersebut, kajian ini sangat signifikan untuk membina mekanisme yang boleh dijadikan panduan kepada pemain industri filem. Metode kajian adalah kualitatif berasaskan analisa kandungan. Dapatan kajian berbentuk kriteria patuh syariah dalam filem yang lebih komprehensif berdasarkan hukum-hukum fiqh yang relevan dengan atmosfera filem.

Kata Kunci: filem, hukum fiqh, kriteria patuh syariah

ABSTRACT

The trend of film production that shows an increase from 2011 to 2015 in various genre, demonstrates the influence of films towards society. However, a lot of local films deliver less positive value towards the thought, education and character development. This could be attributed to the script writers, directors and producers' passion to produce films that meet the taste of the public eventhough by showing excessive violence, khurafat and romantic elements. Meanwhile, the image of Islamic films was tainted with the issue of polygamy, shamanism and exaggerated death of 'Tanah Kubur' that portray a negative image of Islam. It is undeniable that there are also films that bring the messege of dakwah. Nevertheless, some of them still contain non-syariah compliant acts such as the bedroom scene and also the interaction between non-mahram male and female actors. This study is therefore significant in developing useful guidelines for film industry players to produce a more shariah-compliant film. The study adopts qualitative method based on content analysis. The findings of this study are expected to be used as guidelines in developing comprehensive criteria of shariah-compliant films.

Keyword: film, fiqh rulings, shariah compliant criteria

1. Pendahuluan

Filem merupakan inovasi garapan manusia menerusi paparan cerita. Ia juga menggambarkan cerminan budaya masyarakat tertentu yang lahir daripada cetusan dan pemikiran pembikinya. Justeru, sesebuah filem mengandungi mesej yang ingin diketengahkan kemudiannya diolah menjadi sebuah cerita yang berkualiti agar sampai kepada audien. Kejayaan karya filem pula adalah hasil kombinasi pelbagai elemen seperti penulisan skrip, watak, plot, latar, unsur bunyi, nyanyian, dialog, dan sebagainya.

Kriteria menurut *Kamus Dewan* adalah ukuran (asas pertimbangan) untuk menentukan nilai (baik buruknya) atau dasar untuk menentukan nilai (kategori) sesuatu. Patuh pula bermaksud menurut (perintah, peraturan, hukum dan lain-lain), taat dan tidak membantah. Ia juga bererti tidak membantah sebarang suruhan atau perintah. Manakala hukum adalah peraturan yang dibuat oleh sesuatu yang berkuasa, undang-undang atau perintah (Teuku Iskandar, 1970). Fiqh menurut bahasa bererti suatu kefahaman atau memahami sesuatu perkara. Dalam pengertian istilah pula pengetahuan tentang hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan perbuatan mukallaf yang difahami melalui dalil-dalil yang berautoriti (Abd. Latif & Rosmawati, 2000). Justeru hukum fiqh adalah peraturan atau hukum-hukum syarak yang mencakupi segenap kehidupan manusia berstatus wajib, sunat, harus, makruh dan haram.

Manakala syariah didefinisikan sebagai perundangan Islam. Menurut tafsir al-Quran, syariah bererti undang-undang atau aturan-aturan yang bersifat *amaliyyah* (praktikal) dan berbeza menurut perbezaan Rasul (Muhammad Rashid Redha, 1967). Syariah merujuk kepada segala hukum-hakam yang disyariatkan oleh Allah SWT kepada hambanya untuk diikuti. Ia merangkumi hubungan manusia dengan Allah dan hubungan dengan sesama manusia berasaskan dalil-dalil utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah (Hasbi Ashidqi, tt). Justeru, syariah ialah undang-undang, aturan-aturan dan ketetapan-ketetapan Allah SWT yang diperuntukkan kepada manusia dalam rangka mengatur hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia untuk mencapai kesejahteraan, keamanan dan kedamaian di dunia bagi mencapai kesejahteraan kehidupan abadi di akhirat (Jafril Khalil, 1999). Para ulama kemudiannya berijtihad untuk mengeluarkan hukum sesuai dengan realiti dan kondisi semasa berdasarkan ilmu dan kefahaman terhadap dalil-dalil utama, dengan menggunakan kaedah *qiyas*, *maṣlahah*, *istiḥsān*, *isitishāb* dan *sad zarāi'*. Justeru, patuh syariah bermaksud keakuran terhadap piawaian syarak secara total dalam kehidupan berpandukan hukum dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT berasaskan sumber utama (*primer*) dan sumber sokongan (*sekunder*).

Filem pula adalah imej yg terhasil dalam bentuk yang bergerak yang mengandungi unsur-unsur penceritaan yg ditulis, diolah dalam bentuk dialog, visual dan bunyi, yang kemudiannya dirakam menggunakan kamera, diolah dengan menggunakan berbagai kepentingan dan matlamat untuk tayangan di panggung wayang dan media massa yang lain (Anisah et al., 1996). Menurut Naim (2011), filem ialah wahana kreatif yg bersifat santai dan melibatkan idea serta pemikiran, analisis, kritikan, fungsi, matlamat dan kemahiran. Ia juga hasil garapan seni yang memaparkan cerita dan cermin kepada budaya masyarakat tertentu; pemikiran dan cetusan perasaan pembikinnnya; sebuah cerita tentang kehidupan yang tidak terbatas kepada manusia sahaja, sama ada cerita itu benar, khayalan atau cerita yg digarap secara harmoni menjadi syot, kesatuan syot-syot menjadi jujuk, kesatuan jujuk menjadi babak dan seterusnya kesatuan babak-babak menjadi sebuah teks atau cerita (Naim, 2011).

2. Perkembangan Filem Tempatan

Filem telah mengalami anjakan paradigma yang pantas daripada sifatnya sebagai wahana hiburan dan medium pendidikan kepada bentuk komersial iaitu sebagai sumber penjanaaan kapital. Perkembangan ini dibantu dengan kepesatan teknologi canggih yang menjadi pemangkin kepada revolusi filem kontemporari, di samping permintaan yang kian meningkat ekoran perubahan urbanisasi dan gaya hidup masyarakat. Filem tempatan telah banyak mengalami perubahan pesat dengan pelbagai variasi genre. Malah indikator perkembangan filem tempatan diukur dengan peningkatan kuantiti dan kualiti filem, jumlah kutipan dan penonton.

Jadual 1: Data Filem Cereka Tempatan 2012 - 2016

Filem Tempatan	2012	2013	2014	2015	2016
Jumlah Filem	76	71	84	82	46
Kutipan Kasar (juta)	RM 97.29	RM 85.34	RM 78.61	RM 52.99	RM 80.34
Penontonan (juta)	56.90	61.02	61.80	68.11	71.63

(Sumber: FINAS 2016)

Jadual 1 menunjukkan prestasi filem cereka tempatan dari tahun 2012 hingga 2016 yang memperlihatkan turun naik jumlah terbitan dan kutipan. Bilangan penonton menunjukkan peningkatan yang agak ketara daripada 56.90 juta pada tahun 2012 kepada 71.63 juta pada tahun 2016. Jumlah kutipan kasar tayangan filem di Malaysia bagaimanapun agak stabil dengan kadar purata kutipan sebanyak RM78 juta setahun.

Jadual 2: 10 Filem Terbaik Mengikut Kutipan Tertinggi dan Genre

Bil.	Judul Filem	Genre	Kutipan (RM/juta)	Tahun
1	Polis Evo	Aksi	17.47	2015
2	The Journey (Kantonis)	Famili	17.17	2014
3	Munafik	Seram	17.04	2016
4	Ola Bola	Drama	16.67	2016
5	Boboiboy The Movie	Aksi	15.74	2016
6	KL Gangster	Aksi	11.74	2011
7	Ombak Rindu	Cinta	10.9	2011
8	Hantu Bonceng	Seram	8.54	2011
9	Ngangkung	Seram	8.18	2010
10	Kongsi	Aksi	8.09	2011

(Sumber: FINAS 2016)


Jadual 2 menunjukkan 10 filem yang menduduki ranking tertinggi kutipan sehingga September 2016. Polis Evo mencatatkan kutipan tertinggi dalam sejarah perfileman Malaysia dengan kutipan kasar sebanyak RM17.47 juta, diikuti dengan The Journey dan Munafik di mana masing-masing berjaya memperoleh kutipan melebihi RM17 juta. Sementara kutipan terendah dalam ranking ini adalah filem Kongsi yang mencatat kutipan sebanyak RM8.09 juta. Hasil kutipan yang memberangsangkan ini menunjukkan bahawa kualiti filem tempatan berpotensi menyaingi filem terbitan antarabangsa.

Ironinya, seiring dengan kerancakan penerbitan filem tempatan, nilai-nilai murni yang menjadi tonggak pembangunan pemikiran dan peradaban masyarakat semakin terhakis. Pengarah dan penerbit filem masing-masing berlumba menghasilkan filem yang memenuhi citarasa

audien tanpa memikirkan implikasinya. Ini dapat dilihat dari senarai 10 filem terbaik (Jadual 2) di mana sebahagian besarnya bergenre aksi dan seram.

Situasi ini agak membimbangkan kerana genre aksi dan seram boleh mengundang kesan negatif terhadap tingkahlaku masyarakat terutama kanak-kanak dan remaja. Kajian mendapati filem aksi yang memaparkan watak agresif boleh mempengaruhi sikap remaja ke arah negatif seperti suka bergaduh, mengugut, membuli, vandalisme dan mengeluarkan kata-kata lucah (Azizi, Gooh, Halimah & Ronnel, 2014). Begitu dari aspek pemikiran dan emosi (Zoheir Sabaghpour Azarian, 2009). Genre seram menatijahkan sifat negatif seperti perasaan dan kebimbangan yang melampau (Zahazan Mohamed, 2006). Ia juga menyuburkan perbuatan khurafat, tahyul dan syirik kepada Allah SWT (Aisyah & Muhamad Faisal, 2015). Rajah 1 menggambarkan kesan dan pengaruh filem.

Rajah 1: Aliran Kesan Filem Terhadap Audien dan Jangka Masa




Berasaskan senario di atas, adalah menjadi keutamaan untuk merangka satu mekanisme bagi memastikan bahawa filem sebagai salah satu wahana penting yang boleh mempengaruhi sosio budaya, pemikiran dan ketamadunan hendaklah dikawal dalam kerangka maqasid syariah. Tujuannya adalah untuk menjaga kemaslahatan agama, akal, keturunan, harta dan maruah. Justeru, kriteria patuh syariah sangat signifikan untuk dibina dan berfungsi sebagai panduan yang bersifat holistik dan komprehensif.

Patuh Syariah Berasaskan Hukum Fiqh

Kriteria patuh syariah dalam filem mestilah menepati aspek hukum berasaskan ilmu fiqh. Rujukan kepada kitab fiqh empat mazhab dalam kalangan *Abli Sunnah wal Jamaah* mampu membentuk teori yang mantap. Hasil daripada perbahasan ini akan membentuk kriteria patuh syariah. Rajah 2 menunjukkan proses pembentukan kriteria patuh syariah berasaskan hukum fiqh.

Rajah 2: Adaptasi dari Model Pengurusan Tauhidik



Karya filem mestilah dipandu oleh prinsip-prinsip Islam sebagai garis panduan dalam memastikan segala bakat dan potensi yang dianugerahkan oleh Allah SWT dapat dikembangkan secara positif. Prinsip-prinsip tersebut adalah akidah, syariah dan akhlak.

Akidah bermaksud swadaya kepada rukun iman dan rukun Islam berasaskan kepada dalil yang sahih sehingga mencapai darjat yakin (Mustafa Said Al-Khan, 1996). Ia adalah doktrin yang asasi dan mendasari kehidupan setiap muslim sehingga mampu membentuk segenap pemikiran, emosi dan tingkahlaku bersandarkan syariat Islam (Muhammad Hamidullah, 1983). Keutuhan akidah terbentuk dari jalinan tiga unsur iaitu unsur pemikiran (*aql*), daya memilih (*iradah*)

dan perasaan (*wujudan*) (Mohd Sulaiman, 1987). Syariah pula merujuk kepada perundangan Allah SWT yang merangkumi hukum-hukum *i'tiqadiyah*, *'amaliyah* dan *akhlaqiah* yang mengatur kehidupan manusia merentasi pelbagai bidang seperti ibadah, muamalah, munakahat, jenayah, ekonomi, sosial dan sebagainya (Maznah, 1997). Sumber-sumber perundangannya adalah al-Quran, al-Sunnah, ijmak, qias dan seumpamanya. Akhlak merangkumi tingkah laku yang telah menjadi tabiat dan gambaran bagi menunjukkan zahir dan batin seseorang (Abdullah, 1992). Ia termasuk sifat-sifat semula jadi yang memang ada pada diri seseorang berbentuk pembawaan diri atau perangai (Ghazali, 1997).

Prinsip-prinsip ini menjadi kerangka yang utuh sebagai landasan dan garis sempadan yang mampu memandu pengkarya dalam penghasilan filem yang akur kepada kehendak dan ajaran Islam tanpa menafikan kreativiti dan inovasi.

3. Kriteria Patuh Syariah

Sesebuah filem yang bermutu lazimnya mengandungi tiga elemen utama iaitu teks, watak dan lokasi. Filem tanpa teks ibarat pernyataan tanpa mesej. Ia merangkumi skrip (idea, cerita, pergerakan watak, visual, audio dan muzik), plot, dialog dan audio. Manakala filem tanpa pelakon ibarat jasad kaku tanpa pemikiran. Latar membentuk pengaruh positif dalam penceritaan (Naim, 2011). Justeru, kriteria patuh syariah hendaklah meliputi ketiga-tiga elemen tersebut. Malah bagi memastikan filem itu berada dalam piawaian syarak, pembinaan karektor perlu mengambil kira hukum fiqh yang berkaitan dengan filem. Antara pembolehubah yang boleh membentuk kriteria patuh syariah berdasarkan hukum fiqh adalah;

1. Pakaian dan aurat
2. Muzik dan nyanyian
3. Ikhtilat (Pergaulan Lelaki dan Wanita)
4. Ruang dan perkakasan

5. Gambar, ukiran dan foto
6. Genre
7. Bahasa (*verbal* dan *non verbal*)

Pakaian dan Aurat

Majoriti ulama menyatakan bahawa batas aurat lelaki adalah antara pusat dan lutut (Abdul Rahman al-Jajiri, 2004), manakala aurat wanita adalah seluruh tubuh kecuali muka dan tangan (Umar, 2008). Imam al-Qurtubi merumuskan (al-Qurtubi, 1985);

أجمع المسلمون على أن السواتين عورة من الرجل والمرأة، وأن المرأة كلها عورة، إلا وجهها ويديها. وقال أكثر العلماء في الرجل: من سرتة إلى ركبته عورة، لا يجوز أن ترى.

“Kaum muslimin telah ijma’ (sepakat) bahwa kemaluan adalah aurat yang wajib di tutup sama ada lelaki atau wanita, dan wanita seluruh tubuhnya aurat kecuali wajah dan kedua tangannya. Kebanyakan ulama mengatakan bahwa aurat laki-laki adalah dari pusat ke lutut, dan tidak boleh terlihat.”

Dalam konteks pakaian, terdapat tiga kategori kriteria pakaian iaitu pakaian lelaki, pakaian wanita dan pakaian lelaki dan wanita. Bagi kriteria pakaian lelaki ialah i) pakaian yang bukan diperbuat daripada kain sutera, ii) cincin selain emas, iii) pengharaman memakai perhiasan wanita seperti rantai dan gelang. Kriteria pakaian wanita pula ialah i) memakai tudung yang sempurna sehingga menutupi dada, ii) pakaian yang bukan bersifat berhias, iii) pakaian yang tidak nipis dan tidak menampakkan warna kulit, iv) Pakaian yang tidak menampakkan bentuk tubuh badan dan v) tidak memakai wangi-wangian yang berlebihan. Kriteria umum pakaian lelaki dan wanita adalah i) pemakaian yang tidak menyerupai jantina yang berbeza iaitu lelaki menyerupai wanita dan sebaliknya, ii) bukan pakaian menyerupai orang kafir, iii) pakaian yang tidak melambangkan kemewahan @ mencari populariti, iv) memakai rambut palsu dan v) dibenarkan mewarnakan rambut dengan

selain warna hitam.

Pakaian adalah isu besar yang melingkungi filem khususnya melibatkan watak-watak *antagonis* dan *protagonis* wanita. Terdapat pelakon wanita yang bertudung tetapi tidak memenuhi skema syariat. Adakalanya pakaian yang dipakai begitu sendat dan nipis sehingga menampakkan tubuh badan. Terdapat juga pelakon wanita yang memakai pakaian menyerupai lelaki atau sebaliknya. Malah, ada juga lakonan watak sebagai ketua agama oleh pelakon Islam yang memakai pakaian menyerupai orang kafir.

Muzik dan Nyanyian

Ulama berbeza pandangan dalam isu muzik dan nyanyian. Walau bagaimanapun hujah ulama yang membolehkan nyanyian dan muzik adalah lebih kuat berbanding yang melarang (Ibn Hazm, 2009). Antara hujahan yang digunakan adalah:

Pertama: Dalil-dalil daripada hadis sahih yang diriwayatkan oleh para sahabat tentang keharusan nyanyian dan muzik lebih kuat berdasarkan ijmak (Yusuf al-Qaradhawi, 1980).

Kedua: Dalil dari nas-nas Islam dan kaedah yang telah diriwayatkan oleh penduduk Madinah yang terkenal dengan kewara'kannya dan golongan al-Zahiriyyah yang berpegang kepada nas secara harfiyah dan menurut zahirnya serta golongan sufi yang secara ketat menggunakan *'azimah* berbanding *rukhsah* menjadi justifikasi bahawa nyanyian dan muzik adalah harus.

Ketiga: Ramai dalam kalangan para tabi' tabi'en, imam mazhab yang empat, Ibn 'Uyainah dan jumhur Syafi'iyah yang telah meriwayatkan hadis-hadis yang membolehkan menyanyi dan mendengarkannya dengan alat-alat muzik. Imam Shaukani berkata (Ibnu Hajar Al-'Asqalani, 1985):

"... Ahlul Madinah dari kalangan Zahiriyyah serta jamaah dari kaum sufi berpendapat bahawa menyanyi itu dibolehkan walaupun dengan gitar dan biola".

Selain itu, Yusuf al-Qaradhawi telah meletakkan empat syarat nyanyian dan muzik bagi memastikan kepatuhan syariah dapat direalisasikan. Syarat tersebut adalah i) tema atau isi kandungan, ii) penampilan dan gaya penyanyi, iii) tidak disertai perkara maksiat dan haram dan iv) tidak melalaikan (Yusuf al-Qardhawi, 2006).

Dalam konteks nyanyian, isu yang perlu diberi perhatian adalah lirik lagu dan penampilan penyanyi. Lirik lagu mestilah tidak mengandungi unsur syirik, mengundang syahwat dan memuja makhluk. Penyanyi pula hendaklah menjaga penampilan pakaian yang menutup aurat.

***Ikhtilat* (Pergaulan) Lelaki dan Wanita**

Islam mengharamkan pergaulan bebas antara lelaki dan wanita bukan mahram termasuk bersalaman dan bersentuhan (Muhammad Nasir, 1958). Namun dalam kondisi tertentu seperti *darurah*, keperluan, kemaslahatan dan adat kebiasaan, pergaulan dibolehkan dengan syarat-syarat yang telah ditentukan oleh syarak (Abdul Karim, 1994).

Dalam filem, seringkali yang berlaku dalam isu *ikhtilat* adalah berlakunya sentuhan antara lelaki dan wanita seperti bertepuk dan sentuhan tangan di anggota badan wanita yang bukan mahram sama ada ringan atau berat. Babak bersalaman antara lelaki dan wanita juga berleluasa dalam filem, yang jelas tiada unsur darurat atau keperluan.

Genre Filem

Terdapat tiga jenis genre filem yang sangat popular dalam dunia perfileman di Malaysia iaitu komedi, seram dan aksi. Dalam konteks unsur komedi, Yusuf al-Qaradhawi (2006) mengemukakan empat syarat iaitu tidak berbohong dan mereka-reka cerita, tiada unsur menghina, mencela atau mempermain-mainkan seseorang, tidak menakut-nakutkan sesama muslim dan tidak bergurau pada perkara serius. Manakala unsur seram dan mengandungi khurafat dan tahyul pula adalah dilarang sama sekali. Begitu juga unsur aksi yang ekstrem seperti perbuatan vandalisme, pembunuhan, *rasisme* melampau, amalan hedonisme, gangsterisme, rempit dan perlumbaan yang boleh membawa kepada maut.

Justeru, komedi diharuskan selagi mana tidak bertentangan dengan syarak seperti gurauan yang betul dengan memelihara akhlak dan hak pihak-pihak yang berkaitan. Filem seram dan berunsur khurafat adalah bertentangan dengan akidah Islam dan boleh membawa kepada syirik. Dari aspek emosi dan akhlak pula, genre seram memberi kemudahan kepada pertumbuhan akal, emosi dan fizikal. Genre aksi dan ganas pula tidak menatijahkan elemen positif sebaliknya menafikan ajaran Islam yang membawa rahmat kepada hambanya.

Gambar, Ukiran dan Foto

Islam melarang ukiran yang berjasad iaitu patung-patung kerana kecenderungan dan mirip kepada penyerupaan berhala dan menjurus kepada peniruan ciptaan Allah SWT. Namun, gambar yang tidak berjasad seperti fauna dan flora dan bukan tujuan disembah atau disucikan adalah dibenarkan. Manakala fotografi pada prinsipnya adalah harus dan dibolehkan, selagi tidak mengandungi objek yang diharamkan seperti disucikan atau disanjung khususnya golongan penyembah berhala atau komunis (Yusuf al-Qaradhawi, 1980).

Isu utama dalam konteks ini adalah berkaitan dengan arca atau patung yang digunakan sebagai hiasan untuk mendatangkan pengaruh yang berkesan dalam filem. Semua patung sama ada lengkap atau tidak lengkap atau berbentuk manusia atau binatang adalah dilarang oleh agama Islam. Lebih-lebih lagi jika dipuja atau disucikan. Pengecualian hanya ke atas patung mainan kanak-kanak. Isu gambar lazimnya berkisar dari aspek tidak menutup aurat atau digunakan untuk sembahhan tertentu.

Ruang dan Perkakasan

Aspek ruang atau latar bukanlah suatu yang rigid. Namun, terdapat isu sensitif dan memerlukan perspektif agama. Islam memberi garis panduan yang jelas tentang bilik tidur ibu bapa. Menjadi kewajipan kepada anak-anak dan hamba untuk meminta izin sebelum masuk ke bilik tidur dalam tiga waktu (sebelum waktu subuh, sebelum waktu zohor dan selepas waktu isyak) kerana waktu-waktu berkenaan adalah

waktu privasi dan bertujuan menjaga kehormatan diri ibu bapa dan memelihara anak-anak daripada unsur yang tidak sesuai dengan peringkat umur mereka. Ibn Mas'ud berkata yang dimaksudkan anak-anak adalah merangkumi lelaki dan perempuan (al-Tabarani, 1976). Namun, uruf atau kebiasaan adat masyarakat Melayu dalam isu bilik tidur ibu bapa adalah hal yang bersifat sensitif (Yaakub Idrus, 1966). Waktu privasi berkenaan memberi gambaran bahawa Islam bersifat fleksible dan praktikal.

Dalam konteks hukum menggunakan perkakasan atau alat yang diperbuat daripada emas atau perak, semua mazhab yang empat menetapkan bahawa hukumnya adalah haram sama ada digunakan atau tidak digunakan kecuali dalam situasi darurat (Mustafa al-Khin & Mustafa al-Bugha, 2008).

Justeru, penggunaan alat-alat makan dan minum (cawan, gelas, pinggan, mangkuk, sudu dan garfu), penulisan, masakan, perhubungan dan perabot dalam filem hendaklah bukan diperbuat daripada emas dan perak. Termasuk dalam kategori ini adalah perkakasan dalam bilik mandi seperti tub, sinki dan mangkuk tandas. Ini kerana penggunaannya melambangkan kemewahan dan keegoan serta jurang antara golongan atasan dan bawahan.

Bahasa (*verbal* dan *non verbal*)

Islam sangat menyanjung interaksi yang baik dengan menggunakan bahasa yang positif ketika berhubungan antara satu sama lain sama ada menggunakan bahasa *verbal* (lisan) atau *non verbal* (badan). Bahasa verbal merujuk kepada penulisan atau pertuturan secara dua hala yang merangkumi penyampaian mesej atau informasi dengan menggunakan saluran media seperti surat, telefon dan media sosial terkini (Jess K. Alberts et al., 2007). Manakala bahasa non-verbal merujuk kepada penyampaian mesej atau informasi kepada orang lain tanpa menggunakan pertuturan atau lisan atau tulisan sebaliknya menggunakan gerakan atau isyarat seperti simbol tangan dan memek muka (Peter Hartley & Clive G. Bruckmann, 2002). Termasuk juga adalah penggunaan media sosial masa kini seperti facebook, telegram, whatsapp dan lain-lain lagi.

Terdapat lima prinsip komunikasi dalam Islam yang boleh menjadi panduan dalam interaksi positif dalam masyarakat (Mohd Nor & Siti Fatahiyah, 2013). Antaranya i) *Qaulan Sadida* (perkataan yang tepat dan sebenar), ii) *Qaulan Baligha* (perkataan yang jelas dan berkesan), iii) *Qaulan Marufa* (perkataan yang positif dan berunsur kebaikan), iv) *Qaulan Karima* (perkataan mulia dan positif) dan v) *Qaulan Layyina* (perkataan lembut dan beradab).

Justeru, semua bentuk komunikasi dalam filem sama ada *verbal* atau *non verbal* hendaklah selari dengan prinsip dan akhlak Islam. Islam sangat menyanjung penggunaan bahasa positif dalam komunikasi.

4. Kesimpulan

Kriteria patuh syariah berdasarkan hukum fiqh boleh menjadi garis panduan kepada semua pemain industri filem tanpa menafikan kreativiti dalam berkarya. Filem yang sifatnya multi fungsi mampu mengangkat karya filem yang dinamik serta kaya dengan unsur pendidikan. Antara saranan kepada pihak yang terlibat adalah; pertama, Penulis skrip perlu mengolah idea dengan lebih bebas namun kekal kreatif berpandukan prinsip-prinsip Islam dan hukum fiqh yang relevan seperti pemilihan bahasa yang positif dan tulen (bukan palagiat). Kedua, Pengarah filem perlu peka dan memahami hukum fiqh tertentu yang boleh dijadikan panduan dalam arahan filemnya. Kefahaman tersebut mampu memberi panduan antara keharusan bertoleransi atau tidak dalam sesuatu perkara berlandaskan kepada prinsip-prinsip ajaran Islam. Ketiga, Penerbit filem bertanggungjawab mengkaji dan mendalami informasi berkaitan hukum fiqh dalam penerbitan filem bagi memastikan filem tersebut memenuhi piawaian syarak tanpa mengeneipkan daya kreativiti.

5. Rujukan

- Abdullah Muhammad Zain (1992). *al-akhlāq al-Islāmiyyah wā Athāruhā fī Binā' al Mujtama'*, Cet. 1. Kuala Lumpur : Pustaka Antara, 4.
- Abd. Latif Muda & Rosmawati Ali (2000). *Perbahasan Kaedah-kaedah Fiqh*, Cet 1, Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd., 5.

- Abdul Karīm Zaydān (1994). *al-Mufaṣṣal fī Aḥkām al-Mar'ah*. Jil 1. (Beirūt: Mu'assasāt al-Risālah.
- Abdul Raḥmān al-Jajirī (2004). *al-Fiqh alā al-Mazāhib al-Arba'ah*. cet 1. Kaherah: Dār al-Ḥadīth.
- Abū 'Abdillāh al-Qurṭubī (1967). *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, Jil. vi, 48.
- Abū Muḥammad 'Ali Ibn Aḥmad Ibn Sa'id Ibn Hazm (2009). *al-Muhalla*. Beirūt: Dār Ihyā' al-Thurāth al-'Arabi.
- Aḥmad Ibn 'Ali Ibn Muḥammad Ibn Ḥajar al-Asqalānī (2011). *Fath al-Bārī*. Jil. 5. Riyād: Dār al-Ṭibah.
- Aisyah Bt Hadi Munir A. Hadi & Muhamad Faisal Bin Ashari (2015). Kesan Seram Terhadap Pegangan Agama: Suatu Tinjauan Literatur. Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI 2015). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Qurṭubī (1985). *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*. Juz. 12. Dār Ihyā' al-Thurāth: Beirūt Lebanon.
- Anisah Sarji (1996). *Pola Pengamalan Profesionalisme Dalam Industri Filem Malaysia*. Kuala Lumpur: Perbadanan Filem Nasional Malaysia (FINAS), 5.
- Azizi Yahaya, Gooh Mo Lee, Halimah Ma'alip dan Ronnel Dunggi (2014). Pengaruh Media Berunsur Agresif dan Kesannya Terhadap Tingkahlaku Pelajar Sekolah Menengah. *Proceeding of National Action Research Conference*.
- Ghazali Darusalam (1997). *Dinamika Ilmu Akhlak Islam*. Cet. 1, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 3.
- Hasbi Ashidqi (tt). *Filsafat Hukum Islam*. Jakarta: Bulan Bintang, 31.
- Ismā'īl Bin 'Umar Bin Kathīr (2011). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, cet 6, Riyād: Dār al-Salām.
- Jafril Khalil, Konsep dan Falsafah Perundangan Islam, dalam Siti Zalikah Hj. Md. Nor (1999). *Al-Syariah: Konsep dan Perundangan Islam*. Jilid 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 3.

- Jess K. Alberts, Thomas K. Nakayama and Judith N. Martin (2007). *Human Communication in Society*. London: Pearson Prentice Hall.
- Maznah Daud (1997). *Pengenalan Syari'ah*. Cet. 1. Shah Alam: Dynamic Educare.
- Mohd Nor Mamat & Siti Fatahiyah Mahamood (2013). *Persepektif Sains Informasi dan Komunikasi Islam*. Selangor: IIIi Education.
- Mohd Sulaiman Hj. Yasin (1987). *Pengantar Akidah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 171.
- Muhammad Hamidullah (1983). *Introduction to Islam*. Vol. 2. International Islamic Federation of Student Organization, 78.
- Muhammad Ibn 'Ali Ibn Muhammad al-Shawkānī (1990). *Nayl al-Awtār: Sharḥ Muntaqā al-Akhhbār min Aḥādīth Sayyid al-Akhyār*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Bānī (1958). *Silsilah al-Āḥādīth wa Shay' min Fiqhībā wa Fawā'idhibā*. jil 1. Beirut: al-Maktabah al-Islāmī.
- Muhammad Rashid Redhā (1967). *Tafsīr al-Qur'an al-Karīm*. Jil. vi. Kāherah: Darul Katib al-'Arabī.
- Muṣṭafā al-Khinn dan Muṣṭafā Sa'id (2008). *al-Fiqh al-Manhajī 'alā Madhāhab al-Imām al-Shafi'i*. Jil 1. Dimashq: Dār al-Qalām.
- Muṣṭafā Sa'id al-Khan (1996). *al-Aqīdah al-Islāmīyah: Arkānuhā Ḥaqā'iquhā Muḥṣinatuhā*. Cet. 1. Damsyik: Dār Ibn Kathīr.
- Naim Hj Ahmad (2011). *Filem Islam Satu Perbicaraan*. Shah Alam, Selangor: Uni-N Production Sdn. Bhd.
- Peter Hartley and Clive G. Bruckmann (2002). *Business Communication*. London: Pearson Prentice Hall.
- Rahid Redza Bin Haji Md. Saleh (tt). *Garis Panduan Hukum Mengenai Khurafat dan Azimat*. Melaka: Jabatan Mufti Negeri Melaka.
- Sulaymān Ibn Aḥmad al-Ṭabarānī (1976). *al-Mu'jam al-Kabīr*. Baghdād: al-Dār al-'Arabiyah li al-Ṭibā'ah.
- Teuku Iskandar (1970). *Kamus Dewan*. Cet 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 830.

- Umar Bin Muḥammad Bin Ṣāleḥ al-‘Umrānī (2008). *al-Mar’ah al-Mithāliyah*. Cet 1. Iskandāriah: Dār al-Īmān.
- Yaakub Idrus (1966). *Rumah Tradisi Negeri Sembilan: Satu Aanalisis Seni Bina Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti, 20.
- Yūsof al-Qaradhawī (1980). *al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām*. Kāherah: Maktabah Wahbah
- Yūsof al-Qaradhawī (2006). *Fiqh al-Lahwu wa al-Tarwīḥ*. Kāherah: Maktabah Wahbah.
- Zahazan Mohamed (2006). *Anakku Hebat Anakku Soleh*. Cet. 1, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 68.
- Zoheir Sabaghpour Azarian (2009). Influence of Media Viewing Habits on Attitude towards Aggression among Scholboys at International School in Kuala Lumpur. Ijazah Master, Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia.

